



جائت عالم سكيتر جاوغن باين لقس

**JABATAN ALAM SEKITAR**  
**CAWANGAN BAYAN LEPAS**  
UNIT 4-3, KOMPLEKS MAYANG MALL  
BANDAR BAYAN LEPAS  
11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG

**JABATAN ALAM SEKITAR**  
Cawangan Bayan Lepas  
1-3-16 Krystal Point Corporate Park  
Lebuh Bukit Kecil 6  
11900 Bayan Lepas, Pulau Pinang  
☎ 04-643 2112 ☎ 04-643 0692

Telefon : 04-6432112  
Telefax : 04-6430692

Ruj. Tuan:

AS(B)BL38/329/000/013

Ruj. Kami:

( )

Tarikh:

2 Mei 2017

Bersamaan



Pengarah Urusan  
NI Malaysia Sdn.Bhd  
No.8, Lebuh Batu Maung 1  
Kawasan Perindustrian Bayan Lepas  
**11960 PULAU PINANG**  
(u.p; Ms Ang Yi Ching)

Tuan,

**PEMBERITAHUAN BERTULIS DI BAWAH PERATURAN 5, PERATURAN-  
PERATURAN KUALITI ALAM SEKELILING (UDARA BERSIH) 2014**

***Pemberitahuan Bertulis Bagi Pemasangan Ekzos/ Sistem Pengudaraan –  
(Cerobong) No. 3, Di Premis Ni Malaysia Sdn.Bhd, No.8, Lebuh Batu Maung 1,  
11960 Bayan Lepas, Pulau Pinang***

Saya adalah merujuk kepada dokumen yang dikemukakan oleh HPM Consultant bersama surat bertarikh 6 April 2017 yang diterima Jabatan ini pada 10 April 2017 berhubung perkara tersebut di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Jabatan ini telah menerima dokumen **Pemberitahuan Bertulis** bagi mematuhi Peraturan 5, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 2014, untuk menjalankan kerja-kerja pembinaan/pemasangan bagi ekzos/sistem pengudaraan tersebut.

3. Adalah menjadi tanggungjawab tuan untuk mematuhi kehendak di bawah Peraturan 7(2), Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 2014 iaitu, tuan hendaklah melantik jurutera profesional untuk merekabentuk dan menyelia kerja-kerja pembinaan/pemasangan bagi ekzos/ sistem pengudaraan berkenaan. Pihak tuan juga dikehendaki untuk memastikan pelepasan daripada ekzos/sistem pengudaraan terbabit mematuhi nilai batas dan standard teknikal am bagi (standard pengeluaran bagi bahan berbahaya) seperti yang telah ditetapkan dalam Jadual Kelima (Peraturan 15) serta hendaklah mengambil kira nilai batas 150 mg/m<sup>3</sup> bagi pengeluaran habuk. Nilai batas **150 mg/m<sup>3</sup>** tersebut hendaklah dipatuhi oleh pihak tuan.

../2

4. Di samping itu juga, Jabatan ini ingin memperingatkan pihak tuan supaya mematuhi kehendak di bawah Peraturan 7(5) dan 7(6), Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 2014, iaitu mengemukakan borang **Perisytiharan Bertulis** dan **2 set Lukisan Sebagaimana Binaan** yang menunjukkan kedudukan mana-mana kerja atau struktur yang menjadi sebahagian daripada sistem kawalan pencemaran udara terbabit kepada Ketua Pengarah **tidak lewat daripada tiga puluh (30) hari** dari tarikh permulaan operasi sistem kawalan pencemaran udara tersebut.

Sekian, dimaklumkan.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menurut perintah,



**( HAZIMI BIN HAMID )**

b.p. Ketua Pengarah Kualiti Alam Sekeliling Malaysia

s.k. Pengurus  
HPM Consultant  
1565 1st Flr, Jalan Nangka  
Taman Jambu Mawar  
**14000 BUKIT MERTAJAM**  
(u.p. Ir.Hor Poh Ming)



جابتن عالم سڪيتر جاوڻن باين لقس  
**JABATAN ALAM SEKITAR**  
**CAWANGAN BAYAN LEPAS**  
UNIT 4-3, KOMPLEKS MAYANG MALL  
BANDAR BAYAN BARU  
11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG

**JABATAN ALAM SEKITAR**  
**Cawangan Bayan Lepas**  
1-3-16 Krystal Point Corporate Park  
Lebuh Bukit Kecil 6  
11900 Bayan Lepas, Pulau Pinang  
☎ 04-643 2112 ☎ 04-643 0692

Telefon : 04-6432112  
Telefax : 04-6430692

Ruj. Tuan: AS(B)BL38/329/000/013

Ruj. Kami: Jilid 2 (9)

Tarikh: 21 September 2017

Bersamaan



Pengarah Urusan  
NI Malaysia Sdn.Bhd  
No.8, Lebuh Batu Maung 1,  
**11960 BAYAN LEPAS,**  
**PULAU PINANG**

Tuan,

**PERMOHONAN PERISYTIHARAN BERTULIS UNTUK PEMASANGAN ALAT KAWALAN PENCEMARAN UDARA – CEROBONG NO.3, DI ATAS NO.8, LEBUH BATU MAUNG 1, 11960 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG UNTUK TETUAN NI MALAYSIA SDN. BHD.**

Saya merujuk kepada dokumen yang dikemukakan oleh HPM Consultant rujukan NI/DOE/CH03 bertarikh 10 Ogos 2017 dan diterima oleh Jabatan ini pada 17 Ogos 2017 mengenai perkara tersebut di atas.

2. Dimaklumkan bahawa, Jabatan ini telah menerima dokumen Perisytiharan Bertulis dan Lukisan Sebagaimana Binaan yang telah dikemukakan oleh tuan.

3. Adalah menjadi tanggungjawab tuan bahawa sistem kawalan pencemaran udara tersebut hendaklah direka bentuk dan dibina sepertimana yang dinyatakan dalam Lukisan Sebagaimana Binaan serta mengikut spesifikasi seperti yang dikehendaki di bawah Peraturan 7(1), Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 2014.

.../2



4. Sehubungan dengan itu juga, pihak tuan perlu mematuhi kehendak Peraturan 7(3), Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 2014, iaitu memastikan bahawa peralatan bagi sistem kawalan pencemaran udara (cerobong) tersebut dikendali dan diselenggara mengikut amalan kejuruteraan yang menyeluruh dan semua komponen berfungsi dengan baik. Pihak tuan perlu mematuhi nilai batas dan standard teknikal am bagi (standard pengeluaran bagi bahan berbahaya) seperti yang telah ditetapkan dalam Jadual Kelima (Peraturan 15), Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 2014. Pihak tuan juga perlu memastikan pengeluaran/pelepasan sistem terbabit mematuhi nilai batas **150 mg/m<sup>3</sup>** bagi pengeluaran habuk. Nilai batas 150 mg/m<sup>3</sup> tersebut hendaklah dipatuhi oleh pihak tuan.

Sekian, dimaklumkan.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**  
**“NEGARAKU, ALAM SEKITARKU”**

Saya yang menurut perintah,



( **HAZIMI BIN HAMID** )

b.p. Ketua Pengarah Kualiti Alam Sekeliling Malaysia

s.k. Pengurus  
HPM Consultant  
1565 1st Floor,  
Jalan Nangka, Taman Jambu Mawar,  
**14000 BUKIT MERTAJAM**  
(u.p. Ir. Hor Poh Ming)

RECEIVED  
29 SEP 2017  
RECEIVED